



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### KPWKM ANGKAT MARTABAT PROFESION KERJA SOSIAL

---

**PUTRAJAYA 17 Mac** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Malam Apresiasi Pekerja Sosial bersempena sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2021 Peringkat Kebangsaan pada 16 Mac 2021. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada tahun ini, *International Federation of Social Workers* (IFSW) telah memilih ***Ubuntu: I am Because We Are: Strengthening Social Solidarity & Global Connectedness*** sebagai tema Hari Kerja Sosial Sedunia 2021. ***Ubuntu: I am Because We Are: Strengthening Social Solidarity & Global Connectedness*** adalah konsep dan falsafah yang sesuai dengan perspektif kerja sosial mengenai hubung kait antara manusia dan persekitaran mereka.

YB Datuk Seri Rina semasa ucapannya berkata “Kementerian kini dalam peringkat akhir penggubalan draf Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial. Melalui perundangan ini, profesion kerja sosial ini akan diiktiraf melalui pendaftaran dan perakuan amalan yang dikawal selia oleh Majlis Profesion Kerja Sosial. Selain itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam juga telah memberi keutamaan kepada kursus-kursus berkaitan kerja sosial yang ditawarkan oleh universiti-universiti di peringkat diploma dan Ijazah Pertama seperti kerja sosial, pengurusan kerja sosial, psikologi kanak-kanak dan keluarga, pendidikan awal kanak-kanak, sains sosial pengkhususan di dalam pengajian kerja sosial dan sains sosial serta pengkhususan dalam pembangunan manusia sebagai kelayakan akademik bagi Gred S29 atau S41.”

“Kerja sosial” adalah aktiviti yang dijalankan oleh seorang pekerja sosial profesional terlatih bagi meningkatkan kesejahteraan dan kefungisian sosial individu, keluarga, kumpulan, organisasi atau masyarakat. Sehingga Disember 2020, terdapat seramai 3,814 orang pegawai skim sosial pelbagai gred yang berkhidmat di JKM dalam skop tugas pekerja sosial yang melibatkan pengurusan kes kepada kumpulan sasaran.

Dalam majlis ini juga, YB Menteri telah menyampaikan empat (4) Anugerah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan Kementerian di atas usaha murni mereka yang bergiat aktif dalam kerja sosial:-

- i. Anugerah Tokoh Pekerja Sosial Sepanjang Zaman - YBhg. Dato’ Dr Abdullah Malim Baginda
- ii. Anugerah Ikon Global Kerja Sosial - YBhg. Datuk Sayed A Rahman Sayed Mohd
- iii. Anugerah Ikon Komuniti Kerja Sosial - YBhg. Dato’ Hjh Shamsiah Abd Rahman
- iv. Anugerah Ikon Akademia Kerja Sosial - Profesor Dr. Azlinda Azman

Pekerja sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembalikan semula peranan sosial masyarakat terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik COVID 19. Kecemerlangan profesion ini akan menjadi pemangkin kepada keprihatinan Kerajaan terhadap isu-isu sosial yang dinamik. Selamat Hari Kerja Sosial Sedunia 2021.

####

Disediakan oleh:  
Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)